

## **BANK ISLAM RAIKAN PEMENANG KEMPEN FIFA WORLD CUP 2026™**

**KUALA LUMPUR, Isnin, [15 Jun 2026]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini meraikan pemenang Kempen Bank Islam Visa FIFA World Cup 2026™ menerusi majlis penyampaian hadiah, sebagai penghargaan kepada pelanggan yang aktiviti perbankan harian mereka kepada pengalaman luar biasa yang sukar dilupakan.

Majlis penyampaian hadiah yang berlangsung di Menara Bank Islam itu dihadiri oleh Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram.

Kempen Bank Islam Visa FIFA World Cup 2026™, yang berlangsung dari 1 Mac hingga 30 April 2026, turut memperkenalkan Kad-i Bank Islam Visa FIFA World Cup 2026™ edisi terhad yang memberi ganjaran kepada pelanggan atas penggunaan kad dan penglibatan mereka. Para pemenang membawa pulang hadiah keseluruhan bernilai hampir RM400,000, termasuk hadiah utama berupa pakej perjalanan eksklusif untuk dua orang menyaksikan perlawanan separuh akhir FIFA World Cup 2026™ di Amerika Syarikat, lengkap dengan tiket penerbangan, pengalaman layanan premium serta elaun perjalanan bernilai RM10,000.

Kempen FIFA World Cup 2026™ ini direka untuk menghargai pelanggan atas perbelanjaan rutin harian mereka bagi keperluan asas seperti pembelian barangan runcit, makan di restoran dan pembelian dalam talian, yang ditukarkan kepada peluang memenangi perjalanan menarik ke luar negara.

Mizan berkata, “Di Bank Islam, kami sentiasa berusaha memastikan produk yang ditawarkan bukan sahaja memenuhi keperluan kewangan pelanggan, malah turut memperkayakan gaya hidup mereka. Kempen ini membuktikan bahawa aktiviti perbankan harian mampu membuka peluang kepada pengalaman bermakna dan tidak dapat dilupakan, sambil kekal berlandaskan prinsip Syariah.”

Berikutan sambutan yang amat menggalakkan terhadap kempen ini, Bank Islam komited untuk terus memperkenalkan lebih banyak inisiatif yang menggabungkan nilai kewangan, gaya hidup dan prinsip perbankan beretika, bagi memastikan pelanggan terus menikmati pengalaman perbankan yang bermakna serta memberi ganjaran.

Mizan turut mengucapkan tahniah kepada pemenang Hadiah Utama, Muhammad Lutfi Md Latib, serta para pemenang Hadiah sagu hati yang lain, dan merakamkan penghargaan atas sokongan berterusan mereka kepada Bank Islam.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my).